

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 10 DISEMBER 2007, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 26

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1143-L4353
Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan terakhir rakyat termiskin mengikut kaum dan negeri. Setakat manakah kejayaan strategi Kerajaan membasmi kemiskinan di kalangan rakyat termiskin dan apakah strategi Kerajaan untuk mencapai matlamat miskin sifar.
2. PN-1143-L3738
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah projek perumahan yang terbengkalai, jumlah unit dan nilainya setakat ini, sila nyatakan pecahan mengikut negeri.
3. PN-1143-L4198
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah dasar 'pertumbuhan ekonomi' yang diguna pakai oleh Kerajaan dalam usahanya untuk bersaing dengan negara-negara seperti India, China, Thailand dan Singapura. Bagaimanakah dasar itu menjamin kualiti hidup dan pembangunan yang seimbang untuk rakyat.
4. PN-1143-L3730
Puan Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd Nor minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan statistik berapakah jumlah Orang Asli yang telah menjadi guru dan berapa ramaikah daripada mereka ini dihantar ke pos masing-masing untuk berkhidmat kepada masyarakat Orang Asli setempat.
5. PN-1143-L3802
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan pencapaian Program Pembangunan Industri Asas Tani Nasional sekarang. Sehingga kini, berapakah bilangan usahawan industri asas tani mencapai tahap pendapatan melebihi RM2,000 sebulan dapat dilahirkan.

6. PN-1143-L3990
Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato N.S Maniam minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-
- (a) berapakah kawasan hutan rizab yang masih ada di Malaysia mengikut negeri dan apakah tindakan Kerajaan untuk memelihara hutan rizab tersebut; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dalam usaha menyokong tindakan Kerajaan Pusat.
7. PN-1143-L3849
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) bilangan rumah setiap negeri yang dapat dibina berdasarkan peruntukan RM50 juta di dalam Bajet 2008; dan
 - (b) jumlah keperluan rumah bagi tahun 2009 dan 2010 yang masih diperlukan.
8. PN-1143-L4071
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah Kerajaan akan membeli pesawat Soyuz dan berapakah harganya.
9. PN-1143-L4393
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah dengan pembinaan Terowong SMART di Kuala Lumpur telah menyelesaikan masalah banjir kilat yang dihadapi.
10. PN-1143-L4006
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan yang akan diambil oleh Kementerian bagi menangani kes penyelewengan perakaunan di sektor korporat dan juga mengawasi juruaudit syarikat awam daripada melakukan perkara di luar bidang kuasa mereka.
11. PN-1143-L3887
Dato' Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membuat satu undang-undang yang pendatang asing lelaki tidak boleh berkahwin dengan warganegara Malaysia memandangkan telah timbul perkara-perkara yang tidak diingini apabila mereka membawa balik isteri ke negara asal mereka.

12. PN-1143-L4465
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sama ada Kementerian sedar bahawa imej Malaysia di negara jiran Indonesia terjejas kerana media di sana memilih untuk membesar-besarkan tindakan Kerajaan menangani masalah Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) dan lain-lain isu berkaitan dan apakah inisiatif dan tindakan yang akan diambil Kementerian untuk membetulkan berita-berita negatif ini agar hubungan dua hala yang baik sentiasa terpelihara.
13. PN-1143-L3705
Dato' Tajul Urus bin Haji Mat Zain minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah strategi-strategi pihak Kementerian yang telah atau akan dijalankan untuk membangunkan modal insan minda kelas pertama yang mempunyai jati diri yang kukuh, berperibadi mulia dan berpengetahuan seperti mana yang tertera dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010.
14. PN-1143-L3811
Tuan Lee Chee Keong minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan akan meningkatkan cukai jalan bagi kereta-kereta mewah dan nyatakan jenis-jenis kereta mewah yang akan dikenakan kenaikan cukai jalan itu.
15. PN-1143-L4298
Datuk Latiff bin Datuk Thamby Chik minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk memansuh atau pun memberhentikan penggunaan Jalur Gemilang (untuk dilekatkan di kereta) atau pun sebagai bendera kecil pada setiap sambutan hari Kemerdekaan memandangkan selepas tamat suatu sambutan tersebut jalur gemilang ini dibiarkan bertaburan di jalan-jalan raya dan secara tidak langsung boleh menjatuhkan martabat serta kedaulatan negara.
16. PN-1143-L4155
Tuan Ahmad bin Hussin minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki kemudahan pengangkutan awam selepas kenaikan harga minyak yang terakhir dan apakah kemajuan yang telah dicapai bagi pembinaan Landasan Kereta Api Berkembar dari Padang Besar ke Ipoh.
17. PN-1143-L3792
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan bagaimanakah tahap perhubungan dua hala antara Malaysia dan Singapura.

18. PN-1143-L4138
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah Kementerian sedar bahawa Program Rakan Muda yang dilancarkan Kerajaan beberapa tahun lalu kini semakin tidak berfungsi untuk memperkasakan jati diri golongan belia. Apakah usaha yang telah dilakukan bagi membaik pulih program tersebut sejajar dengan matlamat Pembangunan Modal Insan yang ditekankan oleh YAB. Perdana Menteri.
19. PN-1143-L3961
Dato' Haji Idris bin Haji Buang minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menjamin dan memastikan tiada masalah sosial, budaya dan keselamatan berlaku akibat membuka pintu kepada pelajar-pelajar dari luar negara ke IPTS.
20. PN-1143-L3784
Puan GK Loga Chitra minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada perubatan alternatif telah diperkenalkan di hospital-hospital Kerajaan dan jika ya, nyatakan nama hospital dan bidang perubatan alternatif itu. Adakah Kementerian bercadang untuk menggunakan khidmat pakar ayurveda dari India.
21. PN-1143-L4240
Dato' Gooi Hoe Hin minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah perkembangan masa kini tentang pembangunan sebahagian tanah di kawasan Hospital Kusta Sungai Buloh untuk UiTM dan sama ada ianya melibatkan tempat ibadat seperti surau, gereja dan sebagainya.
22. PN-1143-L4307
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat ini bagaimanakah usaha integrasi antara pasukan Polis Marin dengan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dalam memastikan kedaulatan dan keselamatan perairan kita adalah selalu terpelihara dan terjamin.
23. PN-1143-L4003
Tuan Chiu Tiang Chai minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan belia yang merupakan modal insan yang penting dalam ekonomi yang berlandaskan sumber pengetahuan, apakah rancangan Kerajaan untuk terus memperkasakan golongan belia di bawah Rancangan Malaysia ke-9 supaya modal insan yang berkualiti mampu dilahirkan.
24. PN-1143-L3817
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah keberkesanan Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) dan Program e-integrasi dalam memupuk perpaduan di kalangan pelajar sekolah. Apakah mekanisme yang digunakan untuk mengukur kejayaan program berkenaan selain memberikan bilangan aktiviti yang dijalankan.

25. PN-1143-L4451
Ir. Hiang A Li minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tanda aras yang digunakan untuk mengukur pembangunan koridor ekonomi baru di Selatan, Utara dan Timur Semenanjung serta di Sabah dan Sarawak dan adakah ianya diukur dari sudut pengeluaran, produk, pertumbuhan ekonomi, pertambahan penduduk dan sebagainya.
26. PN-1143-L3715
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah baru yang diperkenalkan bagi menangani masalah kes-kes keracunan makanan yang semakin meningkat di sekolah-sekolah dan apakah tindakan berat yang boleh diambil terhadap pengusaha kantin sekolah yang didapati penyebab utama keracunan makanan ini.
27. PN-1143-L4333
Dato' Ismail bin Kasim minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kenapakah terdapat rumah-rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang telah siap dibina, tetapi masih tidak disediakan dengan kemudahan riadah, taman permainan dan surau atau surau bertaraf masjid.
28. PN-1143-L4161
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan nama-nama dan tarikh kajian pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik sejak 2003 di Sekolah Kebangsaan, SJKC dan SJKT, apakah hasil dan kesimpulan setiap kajian itu, apakah kelemahan dan kelebihan dalam program ini dan tindakan susulan Kementerian terhadap setiap kajian tersebut.
29. PN-1143-L3830
Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah tindakan yang perlu dilakukan dalam menjamin keselamatan penumpang yang menggunakan feri-feri penumpang yang ada di perairan Malaysia dan sejauh manakah langkah untuk memastikan pelaksanaan "continuous maintenance" setelah berlaku kemalangan feri terbakar baru-baru ini yang mengorbankan nyawa.
30. PN-1143-L3901
Puan Mumtaz binti Md. Naw minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bagaimanakah kawalan harga ke atas baja dan racun pertanian dilaksanakan mengikut negeri dan pendapatan yang diperolehi daripadanya.
31. PN-1143-L4314
Datin Paduka Nor Hayati Binti Tan Sri Dato' Seri Onn minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah terdapat kajian terkini yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk mengenal pasti mengenai punca tingkah laku devian belia terutamanya mengenai aktiviti rempit dan seks bebas dan apakah langkah-langkah strategik Kementerian untuk menangani masalah ini.

32. PN-1143-L4478
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan cadangan agar semua Jabatan Pertanian Daerah menjadi ejen dalam menyediakan material-material pertanian yang diperlukan dalam melaksanakan satu-satu projek pertanian yang diusahakan oleh usahawan tani.
33. PN-1143-L4288
Datuk Soon Tian Szu minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan adakah Kementerian bercadang membeli kapsul Soyuz yang ditawarkan oleh Rusia. Apakah perancangan akan datang yang diambil oleh Kementerian dalam bidang astronomi.
34. PN-1143-L4222
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan dan strategi Kerajaan bagi memastikan semua Government Linked Company (GLC) membuktikan komitmen mereka di dalam meningkatkan dan membantu keupayaan serta kekuatan syarikat dan perseorangan usahawan Bumiputera di dalam bidang yang diceburi dan sejauh mana pencapaiannya sehingga September, 2007.
35. PN-1143-L4216
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes penyalahgunaan kemudahan 'Visa on Arrival' (VOA) sepanjang tahun 2007 dan negara asal mereka. Bagaimanakah matlamat sifar pekerja asing tanpa izin dapat dicapai.
36. PN-1143-L4369
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah doktor wanita termasuk doktor pakar mengikut bidang yang bertugas di semua hospital dan klinik Kerajaan di seluruh negara pada tahun 2004, 2005, 2006 dan 11 bulan pertama pada tahun 2007.
37. PN-1143-L4008
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mengenai keberkesanan jika cadangan mewujudkan Badan Pencegah Ketirisan (BPK) dilakukan bagi memudahkan siasatan dan pemantauan tentang masalah ketirisan dalam projek Kerajaan yang diberikan kepada syarikat dan usahawan Bumiputera.
38. PN-1143-L4358
Che Puan Sri Kelana D'raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perancangan masa depan yang diatur pihak Kerajaan untuk angkasawan pertama negara, Dr Sheikh Muszaphar Shukor Sheikh Mustapha, selepas berjaya dalam misi ke Stesen Angkasa Lepas Antarabangsa (ISS).

39. PN-1143-L4481
Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan kejayaan atau masalah yang dihadapi bagi memenuhi rancangan memperbanyakkan Program Perumahan Mampu Milik dan apakah sasaran Kementerian dalam penyediaan rumah kos rendah untuk mencapai matlamat bahawa tiap keluarga akan peroleh rumah. Di samping itu, apakah tindakan Kementerian untuk menentukan yang pemaju swasta akur pada dasar yang menetapkan kuota 30 peratus bagi rumah kos rendah.
40. PN-1143-L4304
Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program pembangunan belia yang diatur dalam usaha Kerajaan untuk melengkapkan mereka dengan sikap yang positif, berpengetahuan, berkeupayaan memimpin, mempunyai sikap keusahawanan dan mempunyai kemahiran terutamanya dalam bidang ICT.
41. PN-1143-L3937
Tuan Munusamy a/l Mareemuthu minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan dengan rancangan untuk menswastakan SMIDEC, bagaimanakah kesahihan penerima pinjaman dan keberkesanan skim geran di bawah agensi ini akan terpelihara dan apakah mekanisme pemantauan yang akan diguna pakai oleh Kementerian.
42. PN-1143-L4094
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kerajaan supaya pekerja sektor swasta menerima gaji minima di atas Paras Garis Kemiskinan (PGK) negara.
43. PN-1143-L4068
Datuk Haji Rizuan bin Abd Hamid minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pelancong asing melalui 'Visa On Arrival' (VOA) sempena Tahun Melawat Malaysia 2007 yang masih tinggal dalam negara apabila tamat tempoh dan apakah tujuan untuk berbuat demikian seperti rakyat India dan China.
44. PN-1143-L4247
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah kesalahan-kesalahan yang membolehkan lesen memandu seseorang itu digantung mengikut Akta Pengangkutan Jalan 1987.
45. PN-1143-L3854
Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah dasar dalam negara yang diperkenalkan oleh Petronas selaku pengeluar petroleum negara dalam meringankan beban rakyat ke atas kenaikan harga bahan api dunia dalam tempoh 2005-2010.

46. PN-1143-L3882
Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dalam menangani peningkatan masalah merokok di kalangan remaja yang berumur antara 13-17 tahun sebagaimana yang dilaporkan oleh Global Youth Tobacco Survey (GYTS).
47. PN-1143-L4408
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program-program modal insan yang telah diterapkan di kalangan belia sebagai pewaris generasi terutama untuk Fasa Kedua 50 Tahun Kemerdekaan negara.
48. PN-1143-L4009
Tuan Maijol bin Mahap minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan ingin menghidupkan kembali industri penanaman kelapa secara besar-besaran dan kalau ya, apakah mekanismenya untuk mencapai tujuan ini.
49. PN-1143-L4400
Datuk Dr. Lee Chong Meng minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan statistik pelancong dari Asia Barat yang melawat ke Malaysia pada tahun 2004, 2005, 2006, dan 2007 dan apakah Kementerian tidak bercadang untuk melanjutkan kempen Tahun Melawat Malaysia 2007.
50. PN-1143-L3767
Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan setakat manakah keberkesanan peranan yang dimainkan oleh pelawat-pelawat hospital dalam menjayakan pelaksanaan program-program hospital.
51. PN-1143-L4419
Tan Sri Dato' Muhammad bin Muhammad Taib minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah insentif diberikan kepada penderma-penderma organ termasuk ahli keluarga mereka yang membenarkan organ mereka didermakan sebagai balasan perikemanusiaan terhadap insan yang memerlukan.
52. PN-1143-L4260
Dato' Gooi Hoe Hin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh PEMUDAH dalam mencapai objektifnya demi mengurangkan karenah birokrasi.
53. PN-1143-L4162
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan tahap keselamatan kegunaan "hand rail" di dua tepi Jambatan Semiling, Kedah menyeberangi Sungai Merbok yang dalam dan luas dan adakah rancangan Kementerian untuk menukar "hand rail" tersebut kepada "guard-rail" atau konkrit untuk mengelakkan kereta dari terjun atau terjatuh ke dalam sungai.

54. PN-1143-L4116
Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kenapakah aktiviti pembalakan secara haram, penerokaan hutan-hutan dara dan pencemaran alam sekitar masih berlaku dan ada yang tidak dapat dikesan pihak penguat kuasa, apakah ini membuktikan ketidakcekapan pihak yang menguatkuasakan undang-undang.
55. PN-1143-L3924
Puan Hajah Wan Ramlah binti Wan Ahmad minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah tindakan Kerajaan kepada pihak media elektronik yang mengenakan yuran yang tinggi kepada pelanggannya walaupun pada masa yang sama mereka mengambil untung daripada perkhidmatan penyiaran iklan.
56. PN-1143-L4127
Tuan Ahmad bin Hussin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah dan akan diambil oleh JAKIM bagi mempercepatkan kelulusan permohonan Sijil HALAL.
57. PN-1143-L4494
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Sujak minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Malaysia akan mewujudkan papan tanda jalan yang seragam, terperinci dan tidak mengelirukan mengikut piawaian-piawaian yang telah pun ditetapkan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R. 38/2007) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2007) 2007 - **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". [6 Disember 2007]**

(Menteri Kewangan)

2. PN-1143-U4231
Dr. Haji Mohd Puad bin Zarkashi akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mencadangkan agar penggunaan istilah Bahasa Melayu dikekalkan dan tidak digantikan dengan istilah Bahasa Malaysia. Ini menepati dengan apa yang sudah termaktub dalam Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan iaitu Bahasa Melayu adalah Bahasa Kebangsaan. Istilah Bahasa Melayu sudah lama digunakan, bahkan ia telah mengujudkan identiti dan perpaduan nasional di Malaysia".

(Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan)

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.173	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Bank Pertanian Malaysia (BPM) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007
ST.174	Laporan Tahunan Suruhanjaya Syarikat Malaysia Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007
ST.189	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Teluk Ewa) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007
ST.190	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kuantan Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007
ST.191	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Kemaman Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007
ST.198	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian (MARDI) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007
ST.201	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007
ST.202	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Yayasan Laporan Kewangan dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007
ST.204	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Perbadanan Kemajuan Kraf tangan Malaysia Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007
ST.207	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2007</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.208	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007
ST.210	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Biasiswa Pengajian Tinggi Raja-Raja dan Yang di-Pertua-Yang di-Pertua Negeri Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007
ST.226	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) Bagi Tahun 2006 (Telah Diaudit)	10 Disember 2007